



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam**

**GURU (G.8)  
JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**GURU**

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM**

**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**G.8 (\$1,600 - \$3,260 EB KHAS \$3,345 - \$3,685 SEBULAN)**

**KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND)* atau sebanding dalam bidang Pengajian Islam atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Pengajian Islam dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.6 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.2 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.6 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.2 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Mempunyai Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.

Bagi pemohon yang bukan mengikuti Program Pendidikan atau belum mempunyai Sijil Latihan Perguruan / Diploma Pendidikan sekiranya dilantik ke jawatan ini adalah dikehendaki untuk mengikuti latihan perguruan bagi mendapatkan Sijil Pendidikan Lepasan Ijazah / Diploma Pendidikan / Sijil Latihan Perguruan dalam tempoh percubaan 3 tahun mulai tarikh dilantik ke jawatan ini.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Sebagai Tenaga Pengajar di mana-mana Persekolahan Ugama, Persediaan Arab, Menengah Arab dan Sekolah-Sekolah Menengah seluruh negara atau tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan atau Pengetua / Guru Besar;



2. Bersedia membuat satu-satu perubahan terutama dari segi pengajaran dan pembelajaran;
3. Sebagai fasilitator bagi memimpin dan pengukuhan ugama melalui pendidikan;
4. Memantau kemajuan dan perkembangan pelajaran dalam bidang-bidang yang khusus seperti Al-Quran dan Amali Ugama;
5. Merancang dan memastikan pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan baik dan efisien; dan
6. Menerima arahan dari semasa ke semasa yang diarahkan oleh Ketua Jabatan / Pengetua / Guru Besar.